

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM**

**(BANDAR TUN RAZAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.11.2014**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN  
RAZAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelan strategik yang dirangka oleh Kerajaan untuk mengelakkan satu siri pemberhentian kerja 6,000 kakitangan MAS serta sebilangan pekerja di RHB Capital, CIMB dan Malaysia Building Society Berhad (MBSB) akibat cadangan pergabungan mega ketiga-tiga bank tersebut dan langkah korporat di beberapa syarikat lain daripada menyebabkan kenaikan mendadak kadar pengangguran dan isu sosial ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut piawaian dan penanda aras industri bagi syarikat penerbangan yang mempunyai persamaan dengan MAS dari segi saiz, laluan dan pelan perniagaan, jumlah optimum tenaga kerja yang diperlukan oleh MAS adalah seramai kira-kira 14,000 orang bagi memastikan operasi yang cekap dan produktif. Justeru itu, adalah dianggarkan seramai kira-kira 6,000 pekerja akan terlibat dalam proses pemberhentian (*retrenchment*). Ketika ini, MAS giat melaksanakan proses tapisan untuk menentukan *outfit* terbaik dari semua peringkat pengurusan dan sokongan bagi memperoleh kos operasi yang optimum.

Bagi memberikan sokongan kepada kira-kira 6,000 kakitangan MAS yang terlibat dalam proses pemberhentian tersebut, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) akan menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC) di bawah Pelan Penyusunan Semula MAS. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS. Ini

termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC akan diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi. Khazanah akan terus komited untuk memastikan bahawa proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian pekerja dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai cadangan penggabungan CIMB, RHB Capital dan MBSB, perbincangan antara ketiga-tiga pihak kini sedang dijalankan. Khazanah sedar akan implikasi penggabungan termasuk kehilangan pekerjaan kepada pekerja di ketiga-tiga syarikat. Sekiranya penggabungan

dilaksanakan, Khazanah akan bekerjasama dengan syarikat pelaburannya, CIMB, untuk memastikan langkah-langkah sewajarnya diambil bagi membolehkan pelan peralihan yang tepat dapat dilaksanakan kepada kakitangan yang terlibat.

Khazanah percaya pengajaran yang mungkin boleh diambil daripada usaha penyusunan semula MAS ini boleh diguna pakai dalam proses penyusunan semula syarikat-syarikat lain pada masa hadapan.